

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 12 APRIL 2016 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Dana RM30j biayai 100 projek niaga	Harian Metro
2.	MOSTI lulus lebih 100 projek bernilai RM20 juta di bawah Dana Inovasi Sosial	BERNAMA
3.	MOSTI lulus projek bernilai RM20 juta	Kosmo
4.	Biotech Corp sasar tarik pelaburan RM2b	Harian Metro
5.	BiotechCorp lancar tiga projek RM300,000	Kosmo
6.	BiotechCorp akan lancar 3 projek bernilai RM300,000 tahun ini	BERNAMA
7.	Operasi pembenihan awan di utara bermula esok	BERNAMA
8.	Peluang berjemur	Harian Metro
9.	MetMalaysia: Inter-monsoon season is starting	The Star
10.	Bahang serangan El- Nino	Sinar Harian
11.	Apa itu El Nino?	Sinar Harian
12.	Cop in lockup sex assaults of teens arrested	Malay Mail

Geran Inovasi Sosial Mosti

Dana RM30j biayai 100 projek niaga

FOTO: Saddam Yusoff

Kuala Lumpur: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) mewujudkan lebih 100 projek dalam pelbagai bidang inovasi komersial yang memberi manfaat perniagaan kepada orang ramai menerusi pengenalan dana Geran Inovasi Sosial Mosti bernilai RM30 juta pada tahun lalu.

Geran itu yang memberi pembiayaan kepada pemain industri antara RM100,000 sehingga RM500,000 dan bekerjasama dengan agensi di bawah Mosti seperti Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd (Biotech Corp) untuk membangunkan perniagaan yang memberi manfaat kepada orang ramai dalam bidang keusahawanan.

Timbalan Menteri, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, setakat ini se-



ABU Bakar (kiri) melawat pameran selepas merasmikan Kongres Genomik Asia, semalam.

kitar RM20 juta daripada nilai peruntukan itu telah diberikan kepada pelbagai pemain industri antaranya dalam bidang pertanian.

Beliau berkata, geran itu mendapat sambutan daripada pelbagai pihak kerana ia merangsang perniagaan serta mewujudkan peluang keusahawanan.

"Ada sebuah syarikat yang mengusahakan perniagaan madu lebah sudah menerima geran daripada kami dan mereka turut mengajar orang kampung cara memelihara lebah dengan kaedah inovasi terbaru seterusnya memberi pengetahuan kepada masyarakat untuk membabitkan diri dalam perusahaan itu," katanya selepas majlis pelancaran Kongres Genomik Asia di sini, semalam.



MOSTI Lulus Lebih 100 Projek Bernilai RM20 Juta Di Bawah Dana Inovasi Sosial

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) meluluskan lebih 100 projek bernilai RM20 juta di bawah Dana Inovasi Sosial MOSTI (MSI) sejak diperkenalkan pada April tahun lepas.

Timbalan Menteri MOSTI Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata antara projek yang diluluskan ialah dalam sektor pertanian, teknologi dan pendidikan.

"Dana itu yang merangkumi semua 28 agensi di bawah kementerian tersebut disasarkan untuk membantu komuniti tempatan mengguna pakai teknologi baharu dan meningkatkan produktiviti mereka.

"Jumlah maksimum pembiayaan bagi projek MSI terhad pada RM500,000 dan RM20 juta lagi dijangka disuntik ke dalam dana itu tahun ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Genom Tanaman Ketiga Asia di sini, hari ini.

Kongres selama dua hari itu yang bermula hari ini dianjurkan oleh Global Engage Ltd dari UK dengan secara kerjasama bersama Malaysian Biotechnology Corp Sdn Bhd dan MOSTI.

Terdahulu dalam ucapannya, Abu Bakar berkata pindahan pengetahuan dan dasar strategik penting ke arah penggunaan berkesan teknologi genom dalam pertanian, terutamanya bagi meningkatkan pembakaan tanaman dan pengeluaran sawit, getah dan koko, yang memiliki nilai ekonomi tinggi.

"Para penyelidik, pemain industri dan institusi kewangan harus berganding bahu dengan komuniti perladangan dan pembakaan tanaman dan bergiat aktif dalam pindahan pengetahuan agar sektor pertanian dapat berkembang maju menerusi kemajuan genom tanaman.

"Bagi mendapatkan manfaat daripada genom tanaman, kerajaan di seluruh dunia perlu menyediakan dasar yang sesuai, yang mana institusi penyelidikan perlu mempunyai penyelidikan strategik berasaskan kepada keperluan dan keutamaan sesebuah negara," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NIAGA): MUKA SURAT 52
TARIKH: 12 APRIL 2016 (SELASA)

MOSTI lulus projek bernilai RM20 juta

KUALA LUMPUR – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) meluluskan lebih 100 projek bernilai RM20 juta di bawah Dana Inovasi Sosial MOSTI (MSI) sejak diperkenalkan pada April tahun lepas.

Timbalan Menteri MOSTI, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, antara projek yang diluluskan ialah dalam sektor pertanian, teknologi dan pendidikan.

"Dana itu yang merangkumi semua 28 agensi di bawah kementerian tersebut disasarkan untuk membantu komuniti tempatan mengguna pakai teknologi baharu dan meningkatkan produktiviti mereka.

"Jumlah maksimum pembiayaan bagi projek MSI terhad pada RM500,000 dan RM20 juta lagi dijangka disuntik ke dalam dana itu tahun ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kongres Genomik Tumbuhan Ketiga Asia di sini semalam.

Kongres selama dua hari yang bermula semalam dianjurkan oleh Global Engage Ltd. dari UK dengan kerjasama Malaysian Biotechnology Corp Sdn. Bhd. dan MOSTI.

Biotech Corp sasar tarik pelaburan RM2b

Kuala Lumpur: Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd (Biotech Corp) menyasarkan sebanyak RM2 bilion nilai tarikan pelaburan keseluruhan pada tahun ini dengan jangkaan 75 peratus daripada nilai itu akan disumbangkan oleh pelaburan langsung domestik (DDI).

Setakat tahun lalu, Biotech Corp mencatatkan RM4 bilion nilai pelaburan yang diluluskan dengan sumbangan antara tarikan pelaburan langsung asing (FDI) dan DDI adalah setara.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr. Mohd Nazlee

Kamal berkata, pihaknya menyasarkan angka tarikan pelaburan tahun ini lebih rendah berikutan situasi ekonomi semasa yang mencabar.

Beliau berkata, tahun ini pihaknya akan memberi tumpuan kepada pembangunan projek hasil kemasukan pelaburan pada tahun lalu berbanding mencatatkan lebih banyak kemasukan nilai pelaburan.

"Kita ingin memastikan kemasukan pelaburan sedia ada (tahun lalu) dengan merealisasikan projek pelabur kerana ini lebih penting dan boleh meningkatkan lagi eko-

sistem ekonomi setempat.

"Pada tahun ini, kami akan melancarkan tiga projek utama iaitu rumpai laut, pengurusan sisa kopi dan pengeluaran Kacip Fatimah berkualiti tinggi dengan memfokuskan kepada perniagaan komuniti bandar dan pedalaman," katanya, semalam.

Pada tahun lalu, industri bioteknologi negara mencatatkan 1,711 peluang pekerjaan lebih tinggi dari tahun sebelumnya yang mencatatkan 991 hasil daripada kemasukan pelaburan baru yang diluluskan serta pelak-

sanaan pelbagai projek berkaitan industri berkenaan.

DR Mohd
Nazlee



KERATAN AKHBAR
KOSMO (NIAGA): MUKA SURAT 51
TARIKH: 12 APRIL 2016 (SELASA)

BiotechCorp lancar tiga projek RM300,000

KUALA LUMPUR – Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. (BiotechCorp) dijangka melancarkan tiga projek pada akhir tahun, setiap satu melibatkan pelaburan berjumlah RM100,000.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal (**gambar**) berkata,

tiga projek tersebut ialah pengeluaran kacip fatimah bagi menurunkan berat badan.

“Projek ketiga pula merupakan pengeluaran rumpai laut bagi penjagaan kulit dan makanan serta pengeluaran cendawan daripada sisa kopi,” katanya di luar acara Kongres Genomik Tumbu-

han Ketiga Asia di sini semalam.

Mohd. Nazlee menjelaskan, BiotechCorp memperoleh pembiayaan awam berjumlah RM300,000 daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi dan masih mencari lebih banyak pembiayaan daripada sumber lain.





BiotechCorp Akan Lancar 3 Projek Bernilai RM300,000 Tahun Ini

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd (BiotechCorp) menjangka melancarkan tiga projek pada akhir tahun, setiap satu melibatkan pelaburan berjumlah RM100,000, kata Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal.

Tiga projek tersebut -- pengeluaran kacip fatimah (Labisia pumila) bagi menurunkan berat badan; pengeluaran rumpai laut bagi penjagaan kulit dan makanan; dan pengeluaran cendawan daripada sisa kopi di kawasan bandar seperti Lembah Klang -- boleh mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di negara ini, katanya.

"Kami akan berhubung dengan syarikat BioNexus kami untuk melakukan jaminan membeli balik bagi masyarakat," katanya kepada pemberita di luar acara Kongres Genomik Tumbuhan Ketiga Asia, di sini, hari ini.

Beliau berkata BiotechCorp memperoleh pembiayaan awam berjumlah RM300,000 daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), dan masih mencari lebih banyak pembiayaan daripada sumber lain.

Mohd Nazlee berkata BiotechCorp telah menurunkan sasaran pelaburannya tahun ini kepada RM2 bilion daripada RM4 bilion pada 2015, dengan syarikat itu banyak menumpukan kepada pelaburan domestik.

"Tahun ini, kami lebih menumpukan kepada menukarkan pelaburan diluluskan sebelum ini menjadi pelaburan yang direalisasikan.

"Dalam keadaan ekonomi mencabar sekarang, kami berharap dapat melihat pelancaran beberapa kemudahan dan pecah tanah beberapa projek daripada pelaburan yang diluluskan sebelumnya, daripada menumpu untuk menarik lebih banyak pelaburan," katanya.

Beliau berkata langkah itu juga akan membantu merealisasikan sasaran menyumbang RM48 bilion kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) menjelang 2020.

"Sekiranya pelaburan diluluskan dilaksanakan tahun ini, selepas mengambil masa kira-kira tiga tahun untuk mengkomersialkan produk-produk, kami menjangka peningkatan besar dalam PNK yang dijana daripada syarikat-syarikat ini menjelang 2020," katanya.

Mohd Nazlee berkata pelaburan domestik dijangka menyumbang 75 peratus daripada jumlah pelaburan tahun ini berbanding 50 peratus tahun lepas.

Hasil eksport daripada syarikat-syarikat BioNexus dijangka mencecah RM2 bilion tahun ini, meningkat daripada RM1 bilion tahun lepas, katanya.

"Selain syarikat dalam industri minyak dan gas, yang lain-lain mencatatkan prestasi yang agak baik sebenarnya," katanya sambil menambah dua syarikat BioNexus dalam segmen genetik dan kesihatan dijangka disenaraikan di Bursa Malaysia tahun ini.

Ketika ini terdapat 267 syarikat berstatus BioNexus di Malaysia, dengan lebih daripada 70 peratus adalah syarikat tempatan.

Status BioNexus diberikan oleh BiotechCorp kepada syarikat bioteknologi Malaysia dan antarabangsa yang layak dan menyediakan kepada mereka insentif fiskal, geran dan jaminan lain bagi membantu pertumbuhan mereka.

-- BERNAMA



Operasi Pembenihan Awan Di Utara Bermula Esok

KANGAR, 11 April (Bernama) -- Operasi pembenihan awan (OPA) di kawasan utara Semenanjung Malaysia akan dijalankan esok oleh [Jabatan Meteorologi Malaysia \(MetMalaysia\)](#).

Menurut sumber MetMalaysia operasi itu akan dijalankan untuk satu tempoh yang belum ditetapkan.

"Sekarang adalah masa yang sesuai OPA dijalankan iaitu dari pukul 12 tengah hari hingga 3 petang namun ia bergantung kepada atmosfera dan kewujudan awan yang sesuai," kata sumber tersebut semasa dihubungi Bernama, hari ini.

Katanya kawasan OPA berpangkalan di Bayan Lepas, Pulau Pinang merangkumi bahagian Utara Semenanjung termasuk Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

Suhu semasa di Perlis sehingga pukul 4 petang ini mencatatkan 36.8 darjah Celsius dan suhu maksimum adalah 38.5 darjah Celsius sekitar pukul 1 tengah hari tadi.

-- BERNAMA

SUSULAN CUACA PANAS

Peluang berjemur

■ Kanak-kanak main bola tak hirau panas ketika diberi cuti sehari

Aizat Sharif
mohd.aizat@mediaprima.com.my

Kangar

Cuti sehari diberikan Kementerian Pendidikan akibat cuaca panas melampau di negeri ini menyebabkan beberapa kanak-kanak mengambil kesempatan bermain bola sepak padang tanpa menghiraukan keadaan cuaca panas ketika ini.

Walaupun matahari memancar dengan terik dan bahang panas mula terasa, kanak-kanak terbahit tidak menghiraukan keadaan itu dan terus bermain bola sepak tanpa bimbang mengalaminya strok haba.

Kanak-kanak yang ditemui berkata, dia dan ra-

kannya daripada beberapa kawasan perumahan sudah terbiasa melakukan aktiviti bermain bola sepak dalam cuaca panas seperti itu.

"Memanglah panas, tetapi cuaca begini lebih baik daripada cuacanya hujan dan kami semua di sini sudah terbiasa dengan keadaan yang berlaku, bahkan kami sudah bermain bola sepak dalam cuaca panas ini juga sudah bertahun-tahun," katanya.

Menurutnya, mereka akan membawa air minuman dari rumah atau dibeli di kedai runcit berdekatan sebagai bekalan ketika melakukan aktiviti berkenaan.

Seorang lagi kanak-kanak berkata, mereka beriadah di bawah terik mentari kerana tidak tahu apa yang boleh dibuat lagi di rumah.

"Cuti yang diberikan memang seronok, tetapi segalanya sudah kami lakukan iaitu mengulang kaji pelajaran, membantu ibu bapa di rumah, tetapi kami perlukan riadah juga dan aktiviti bermain bola sepak inilah yang sering kita lakukan di sini," katanya.

Sementara itu, sumber Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) berkata, Ke-

menterian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui MetMalaysia akan mula menjalankan operasi pembenihan awan pada hari ini sehingga ke satu tarikh yang akan diberitahu kelak.

"Kawasan operasi akan merangkumi di bahagian utara seperti Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

"Kami menjangkakan waktu yang sesuai untuk operasi ini sekitar jam 12 tengah hari hingga tiga petang dan ia akan memakan masa antara dua hingga tiga jam bergantung kepada keadaan atmosfera dan kewujudan awan yang sesuai," katanya.

Bacaan suhu di Chuping, Perlis pada petang semalam mencatatkan 36 darjah Celsius di mana suhu maksimum yang di catatkan di kawasan itu sekitar 38.5 darjah Celsius sekitar jam 1 petang semalam.

Manakala suhu minimum pula adalah sekitar 26.2 darjah Celsius yang direkodkan pada awal pagi semalam.

"Kami bawa air minuman dari rumah atau dibeli di kedai runcit"

Kanak-kanak

KANAK-KANAK bermain bola di padang ketika cuaca panas terik.



PENGUSAHA bot pelancong di Taman Negara terpaksa menokok bot yang tersangkut.



MOHD Ramadhan Isharum, 29, melihat kebun getah milik bapanya di Kampung Jerantut Feri yang kering.



KEADAAN sungai di Pahang di Kampung Bangau Parit yang semakin cetek.

SAMBUNGAN... HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 23 TARIKH : 12 APRIL 2016 (SELASA)



KAKITANGAN Pejabat Meteorologi Batu Embun, Mohd Shamir Saari, 29, memantau suhu pada Termometer Maksimum.



PETANI, Abd Rahman, 64, mencangkul tanah sawah yang kering.

Kuala Lumpur

Suhu panas kurang perlahan-lahan

Kedua suhu panas yang dialami sekarang dijangka berkurangan secara perlahan-lahan bermula minggu ini berikutan kawasan serantau Malaysia kembali menerima tiupan angin dari pelbagai hala.

Menurut laporan tinjauan cuaca yang dikeluarkan laman web rasmi Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), tiupan angin dengan kelajuan yang lemah itu akan menyebabkan kebanyakan tempat di seluruh negara dijangka mengalami cuaca baik pada waktu pagi.

Laporan itu juga menyebut, hujan dan ribut petir di satu dua tempat masih berlaku di semua negeri di Semenanjung, semua bahagian di Sarawak,

bahagian pantai barat dan pedalaman Sabah pada waktu petang dan senja.

Menurutnya, dalam tempoh sekarang hingga Khamis ini, Malaysia juga akan menerima tiupan angin dari arah Barat Laut dengan kelajuan yang sederhana dan lemah.

"Oleh itu, hujan pada awal pagi dijangka berlaku di kawasan pantai di semua negeri di pantai barat dan bahagian barat Sarawak manakala pada waktu petang dan awal malam, hujan dan ribut petir di beberapa kawasan dijangka berlaku."

"Antaranya di negeri di pantai barat Semenanjung, semua bahagian di Sarawak serta bahagian pantai barat, pedalaman dan Sandakan di Sabah," katanya.

Kuantan

1 kes strok haba, 7 kes kelesuan haba

Satu kes strok haba dan tujuh kes kelesuan haba direkodkan di Pahang sejak 21 Mac lalu, kata Pengarah Jabatan Kesihatan negeri, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar.

Beliau berkata, kes strok haba pula membabitkan seorang lelaki berusia 61 tahun yang bekerja di kawasan tapak pembinaan yang dimasukkan ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HOSHAS) Temerloh.

Katanya, semua pesakit yang mengalami simptom kelesuan haba itu membabitkan golongan dewasa berusia antara 40 hingga 60 tahun.

"Bagi kes kelesuan haba, terdapat dua kes direkodkan di Pusat Kesihatan Daerah Kuantan, satu kes di Pusat Kesihatan

Daerah Bera, dua kes di Hospital Bentong dan masing-masing satu kes dicatatkan di Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) Kuantan dan HOSHAS," katanya dalam Operasi Penguatkuasaan Pembiakan Aedes Secara Besar-besaran Peringkat negeri, di sini, semalam.

Pada majlis sama, beliau turut melancarkan kempen gaya hidup sihat 'Koi Nak Bersih, Koi Nak Sih' bermula semalam sehingga 10 Jun ini.

Dr Zainal Ariffin berkata, orang ramai yang mempunyai gejala kelesuan haba seperti pening kepala secara berpanjangan dinasihatkan segera mendapatkan rawatan di klinik berhampiran.



GURU Sekolah Menengah Inderapura, Suryani Yusoff (kiri) dan Rosnida Mat Amin menampal notis penutupan sekolah.

Harga ikan sangkar mungkin naik

Jerantut: Harga ikan yang ditanam dalam kolam dan sangkar mungkin meningkat berikutan permintaan melebihi bekalan susulan cuaca panas berterusan yang melanda daerah ini ketika ini.

Ini disebabkan pengeluaran ikan terutama patin dan tilapia terjejas kerana paras air Sungai Pahang yang surut di kawasan sangkar penternak. Situasi itu menyebabkan ikan terakut mudah mati.

Ahli Parlimen Jerantut Ahmad Nazlan Idris berkata, berdasarkan pemantauan dan aduan daripada pengusahanya, mereka kini menanggung kerugian ribuan ringgit setiap hari berikutan fenomena El Nino.

"Ini kerana kebanyakan ikan yang mati ikan kecil di bawah berat 500 gram kerana tidak mampu bertahan dengan suhu panas sekarang."

"Kini, hanya ikan mempunyai berat 500 gram ke atas saja sedia untuk dipasarkan, namun kemungkinan be-

kalan tidak mampu bertahan lama kerana tiada ikan baharu yang menunggu untuk dipasarkan", katanya.

Beliau berkata, penternak terpaksa menangguhkan dulu kemasukan benih ikan di sangkar mereka kerana tidak mahu menanggung kerugian akibat ikan mati.

"Saya berharap penternak dapat bersabar kerana fenomena El Nino yang berlaku sekarang di luar kawalan manusia," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, sekurang-kurangnya 106 pengusaha ikan sangkar dan 30 penternak ikan kolam di daerah ini terjejas akibat cuaca panas berpanjangan dan paras air sungai yang semakin surut dan kering.

Beliau berkata, kejadian ikan mati secara berperingkat peringkat berlaku sejak dua bulan lalu.

"Bagi penternak ikan sangkar di daerah ini, kebanyakannya menanggung kerugian hampir 40 ribu kerana

ikan ternakan dalam sangkar mati.

"Penternak ikan kolam pula akibat kekurangan kadar hujan dan panas yang berpanjangan menyebabkan tiada aliran air untuk disalurkan ke kolam kerana air semakin surut dan kadar penyejatan air kolam semakin banyak," katanya.

Pada minggu lalu, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, kerajaan akan menyalurkan 1 juta benih ikan kepada penternak ikan sangkar dan kolam di seluruh negara yang terjejas akibat fenomena El Nino.

Bagaimanapun katanya, ia akan digantikan menerusi Jabatan Perikanan negeri hanya selepas fenomena berkenaan itu yang dijangka berakhir mulai bulan depan.

Sementara itu, tinjauan Harian Metro semalam mendapati pentadbiran sekolah hanya menampal notis memberi tahu penutupan sekolah di daerah ini, kerana cuaca panas melampau.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 10
TARIKH: 12 APRIL 2016 (SELASA)

MetMalaysia: Inter-monsoon season is starting

PETALING JAYA: Seasonal heavy rains are falling but the sweltering heat which forced school closures for a day in parts of the peninsula is set to continue for now, said the **Malaysian Meteorological Department**.

A MetMalaysia officer said the inter-monsoon season had set in last week with west coast states experiencing heavy rainfall in the past few days.

"But it did not help to lower the high temperature readings over northern and central peninsula and Sabah," he told *The Star*.

Schools in Perlis, as well as the Jerantut and Temerloh districts in Pahang closed yesterday as temperatures there exceeded 37°C over a 72-hour period.

The closure announced by the Education Ministry was a precautionary measure to safeguard the health of pre-school, primary and secondary pupils in the affected areas.

MetMalaysia said that the public could expect more frequent rain with thunderstorms during the afternoon and evening, especially the west coast states, west Sabah and Sa-

rawak as the inter-monsoon progressed.

"As for Klang Valley, afternoon thunderstorm is expected in the next few days," he added.

The highest temperatures yesterday (as of 1pm) were recorded Chuping, Perlis (36°C) along with Kuantan and Alor Setar (35°C).



Bahang serangan El-Nino

1 diserang strok haba, 6 lagi disahkan sindrom kelesuan haba, tanaman turut terjejas

Intensiti hujan negara dijangka berkurangan antara 20 hingga 60 peratus, berikutan fenomena El-Nino melanda Malaysia kini.

Perkara itu pernah dinyatakan Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Gayah Ismail bahawa tahap El-Nino kini dikategorikan sebagai 'kuat' dan dijangka suhu negara meningkat antara 0.5 dan 2 darjah celsius. Katanya, fenomena El-Nino dijangka menjadi neutral selepas Jun 2016.

Berikutan cuaca panas melampau, semua sekolah di Perlis, daerah Jerantut dan Temerloh di Pahang turut ditutup semalam.

Arahan penutupan yang diumumkan Kementerian Pendidikan itu adalah sebagai langkah penjagaan kesihatan murid semasa cuaca panas ketika ini.

Berdasarkan pemantauan terhadap cuaca kering dan panas mendapati negeri Perlis, daerah Jerantut dan daerah Temerloh mencatat bacaan suhu tertinggi melebihi 37 darjah celsius.

Cuaca panas tidak hanya memberi impak kepada kesihatan tubuh manusia, namun tanaman dan ternakan turut mengalami kesan serupa.

Malah, loji rawatan air di tiga daerah turut menyusut akibat kesan panas melampau.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (KESAN PANAS MELAMPAU) : MUKA SURAT 50
TARIKH: 12 APRIL 2016 (SELASA)

INFO

Apa Itu El Nino?

MENURUT laman web rasmi Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), El-Nino adalah fenomena lautan yang berlaku setiap dua ke tujuh tahun di mana arus laut yang panas akan menggantikan arus laut yang kebiasaannya sejuk di luar pantai barat Peru, Amerika Selatan.

Pemanasan lautan ini didapati berlaku di kawasan yang lebih luas meliputi pasifik tengah dan timur serta mempunyai kaitan dengan peristiwa cuaca luar biasa yang ketara di tempat-tempat tertentu di dunia seperti banjir dan kemarau.

Di Asia Tenggara, Indonesia dan Australia, berlaku keadaan cuaca lebih kering dari normal sementara di pasifik tengah dan timur berhampiran khatulistiwa berkeadaan lembap.

Lazimnya, El-Niño berlaku untuk tempoh 6 hingga 18 bulan. Biasanya ia terbentuk pada pertengahan tahun, berada di kemuncak pada akhir tahun dan menjadi lemah menjelang awal tahun berikutnya. El-Niño yang mempunyai keamatan yang sama tidak semestinya menghasilkan corak iklim yang sama.

Kesan atau impak berlakunya El-Nino terhadap sesuatu kawasan:

- Keadaan kering luar biasa di Malaysia, Indonesia, Filipina dan utara Australia.
- Cuaca yang lebih panas dan kering juga berlaku di tenggara Afrika, India dan utara Brazil.
- Cuaca lebih lembap pula berlaku di sepanjang pantai barat kawasan tropika Amerika Selatan dan pantai teluk di Amerika Utara.
- Impak El-Nino kepada negara secara umumnya boleh menyebabkan jumlah hujan diterima akan berkurangan, terutamanya bagi Sabah dan Sarawak.
- El-Nino juga boleh menyebabkan cuaca menjadi lebih panas dan kering yang seterusnya memudahkan berlakunya kebakaran hutan yang boleh menyebabkan kejadian jerebu tebal merentasi sempadan yang akan memberi kesan terutamanya terhadap kesihatan, aktiviti luar dan pertanian.

Cop in lockup sex assaults of teens arrested

By G. Prakash
and Praven Suppayah
mmnews@mmail.com.my

PETALING JAYA — A policeman has blown the lid off the highly-secured surveillance of detainees at the Jinjang Centralised lockup centre following alleged sexual attacks on three teenagers on Sunday.

The boys told police the corporal, in his early 30s, had performed oral sex on one of them while the others were forced to masturbate earlier in front of him.

The incidents happened outside the cell where the teenagers had been held on suspicion of being involved in a brawl at a Wangsa Maju school on Thursday.

The suspect who is married with children apparently took a 15-year-old teenager out of a cell and ordered him to sweep the floor along the corridor.

A police source said the suspect then offered the teenager a cigarette and told him he could smoke at a nearby corridor.

"The suspect then approached the boy and grabbed his private parts before performing oral sex on him."

The source said the policeman took the boy back to his cell after taking his contact number.

"The suspect told the victim that he would contact him after he was released from the lockup and that traumatised the victim," he said.

The teenager then related what had transpired to his friends, aged 14 and 16, who told him that they were forced to masturbate in front of the suspect hours earlier.

The boys then related the incident to the officer investigating the brawl and later lodged a report at the police station on his advice.



The front view of the Jinjang Centralised lockup centre where the incident is alleged to have taken place over the weekend.
— Picture by Azneal Ishak

Kuala Lumpur police chief Datuk Amar Singh said police arrested the suspect yesterday.

He said police had obtained the CCTV recording of the incident "which would definitely have captured the suspect's movements in and around the cell."

He said the victims and suspect would be taken for a medical examination.

The incident has exposed the weaknesses and disregard of standard operating procedure at what was supposed to be one of the safest detention centres in the country.

The Jinjang lockup has Self-Monitoring Analytics Reporting Technology (SMART), an intelligent security camera control system that can detect suspicious behaviour by inmates and police on duty.

The RM3.5 million system, developed by the Malaysia Institute of Microelectronic Systems (MIMOS), was implemented in a pioneer project at the Jinjang Centralised Lockup Centre.

The CCTVs help police monitor sexual attacks on detainees, attempted suicide, fights and escape attempt. The behaviour of police personnel on duty will also be on

the radar.

Bukit Aman Management Department Director Datuk Zulkifli Abdullah, who launched the SMART lockup on Feb 3, when contacted, said he will await the findings by city police before making a decision whether a system review was necessary.

"However, if there has been a breach of standard operating procedure in the lockup that allowed this alleged incident to occur, those involved, including the lockup supervisor, will be held accountable," he said.

How SMART lockups work

What is a SMART lockup?

Under the Self-Monitoring Analytics Reporting Technology (SMART) Lock-Up, CCTV cameras will alert police personnel through an alarm system if lockup protocol is breached.

Any incident including behaviour of police personnel, sexual attacks on detainees, attempted suicide, escape attempt or fights in the cell will be on the radar.

How does the system help in lockup management?

- It helps gather visual evidence to enable early intervention and rapid response when anything untoward happens. It also provides intelligent behavioural analysis beneficial to detainees as well as lockup officers.
- The 3D location indicator makes the tracking and monitoring of detainees easier.
- The system minimises the need for lockup officers

to make rounds.

- It also enhances crime prevention strategy by collating information on the lockup population besides recording crime on the premises.
- The near realtime recording and time stamp ease information sharing, facilitate auditing and provide evidence against false allegations.



What are the technical features of the system?

- Advanced video analytics with wide-angle capability to cover the entire area under surveillance.
- Time stamp for all events triggered for audit trail purposes.
- Wireless system which can be extended to other authorised users including officers at other levels.
- 3D location indicator that highlights suspicious events.
- System integrity protection to ensure authorised use and data security and integrity.
- Business intelligence-based high-level reporting dashboard.

When and who developed this system?

The Malaysian Institute of Microelectronic Systems (MIMOS) and police launched it on Feb 3 after a 15-month pilot run in 27 cells at the police centralised lockup facility in Jinjang. It is now used at 57 lockups nationwide.